

Air naik paras buku lali, pokok tumbang di beberapa kawasan

Shah Alam dilanda banjir kilat

Oleh AHMAD SHAHERMAN
SHAMSURI
dan ABDUL RAZAK IDRIS

SHAH ALAM – Hujan lebat lebih sejam yang bermula kira-kira pukul 4 petang semalam telah menyebabkan beberapa kawasan di daerah ini mengalami banjir kilat dan pokok tumbang.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad berkata, hujan lebat lebih sejam menyebabkan beberapa kawasan di bandar raya ini dinaiki air hingga paras buku lali.

Jelasnya, antara kawasan yang ditenggelami banjir kilat ialah di kawasan sekitar Seksyen 4



KELIHATAN beberapa peniaga mengeringkan lantai tingkat bawah pusat beli-belah Anggerik Mall yang digenangi air selepas hujan lebat di Shah Alam semalam.


terutamanya berdekatan Sekolah Rendah Kebangsaan Raja Muda, di sini.

“Selain banjir kilat pihaknya turut menerima aduan berkaitan pokok tumbang di beberapa kawasan termasuk Seksyen 3, 9 dan 13,” katanya ketika

dihubungi di sini semalam.

Shahrin memberitahu, pihaknya membuka talian 24 jam bagi membolehkan orang ramai membuat aduan kecemasan dengan menghubungi 03-55105811.

Sementara itu, penduduk di kawasan



SEBAHAGIAN jalan di sekitar Sekolah Kebangsaan Raja Muda Musa, Seksyen 4 Shah Alam dinaiki air semalam.

Seksyen 4 di sini berharap pihak berkuasa yang terlibat dengan infrastruktur perparitan menyelesaikan masalah banjir kilat yang melanda kawasan tersebut.

Menurut seorang wakil penduduk di kawasan di

Seksyen 4, Datuk Mat Yasin Ikhsan, masalah banjir kilat yang sering berlaku perlu diatasi kerana ia telah berlaku sejak 10 tahun yang lalu.

“Punca banjir ini adalah disebabkan parit besar yang tersumbat sama ada

disebabkan sampah atau saluran sedia ada telah dipenuhi lumpur,”katanya.

Dalam perkembangan sama, pusat beli-belah Anggerik Mall di Seksyen 14 juga terjejas ekoran banjir kilat semalam.

Menurut peniaga di sana, hujan lebat telah menyebabkan bumbung pusat beli-belah tersebut bocor lalu dimasuki air.

Pada Sabtu lalu, beberapa kawasan sekitar Dengkil dan Klang dilanda banjir kilat, seramai 388 penduduk di Dengkil terpaksa dipindahkan selepas paras air Sungai Langkat meningkat sementara di Klang, 41 penduduk dipindahkan ke pusat pemindahan ekoran rumah mereka rosak teruk akibat ribut petir yang melanda hari sama.